

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah khusus yang dilaksanakan Kementerian bagi mengatasi masalah kekeliruan status produk halal. Ini berikutan terlalu banyak produk bukan Muslim Bumiputera yang menggunakan nama Islamik di pasaran yang telah mengelirukan pengguna.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan sistem Pensijilan Halal Malaysia bagi membantu pengguna membuat pilihan dan mengenal pasti status halal sesuatu produk. Setiap produk yang mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia telah melalui pemeriksaan yang rapi berdasarkan standard dan prosedur yang ditetapkan. Melalui Pensijilan Halal Malaysia khususnya

penggunaan logo halal Malaysia, dapat mengatasi kekeliruan pengguna terhadap status halal produk di pasaran.

Berkaitan dengan isu penggunaan nama Islamik di pasaran yang telah mengelirukan pengguna pula, tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Seksyen 28 Akta Perihal Dagangan 2011; Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011. Berdasarkan peruntukan di bawah Perintah tersebut, mana-mana produk atau premis yang menggunakan sebarang bentuk ungkapan atau perbahasaan halal yang boleh mengelirukan pengguna bahawa produk atau premis berkenaan halal adalah menjadi suatu kesalahan. Ini termasuklah ungkapan atau perbahasaan seperti 'buffet Ramadhan', 'makanan orang Islam' serta termasuk juga penggunaan nama Islamik seperti 'Muslim product' , 'Islamic kitchen', 'sufi', 'mukmin' dan lain-lainnya. Sekiranya didapati produk atau premis adalah tidak halal menurut takrifan halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, maka jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman seperti berikut:

- i. Pertubuhan atau Perbadanan: Denda tidak melebihi RM5,000,000 (lima juta) dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM10,000,000 (sepuluh juta);
- ii. Bukan Pertubuhan atau Perbadanan: Denda tidak melebihi RM1,000,000 (satu juta) atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi RM5,000,000 (lima

juta) atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan dari semasa ke semasa oleh agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Pengguna boleh terus menghubungi pihak JAKIM atau JAIN jika terdapat sebarang kekeliruan mengenai penggunaan sebarang ungkapan atau tanda halal pada produk di pasaran.

Sekian, terima kasih.